



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA TERBUKA

Tawaran dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah dan menggunakan Sistem **ePerolehan** bagi menyertai sebut harga berikut:

No. / Tajuk Sebut Harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Sebut Harga	Kaedah Perolehan
<b>JPA(S)01/2018</b> <b>SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN ENJIN INTEGRASI (VITRIA SOFTWARE ASSURANCE) UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN AWAM</b>	210104	<b>6 Mac 2018 (Selasa), jam 12.00 tengah hari.</b> Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga tidak akan dipertimbangkan	<b>Secara ePerolehan</b>

2. Petender yang ingin menyertai sebut harga ini mestilah ePerolehan *enabled*. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **27 Februari 2018 (Selasa)** melalui laman web [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my).
3. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem ePerolehan pada atau sebelum **6 Mac 2018 (Selasa), jam 12.00 tengah hari**.
4. Satu sesi **taklimat** akan diberikan kepada penyebutharga dan **penyebutharga DIWAJIBKAN hadir**. Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada), berserta dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan). Hanya **penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja** yang boleh menghadiri sesi taklimat atau lawatan tapak. Penyebutharga **tidak boleh mewakilkan** pegawai selain daripada penama di dalam Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan. Taklimat akan diadakan seperti berikut :

**Tarikh : 27 Februari 2018 (Selasa)**  
**Masa : 10.00 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Lavender**  
**Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Maklumat Strategik**  
**Jabatan Perkhidmatan Awam**  
**Aras 6, Blok C1, Kompleks C,**  
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,**  
**62510 Putrajaya**

5. Tawaran Penyebutharga yang lewat dikemukakan melalui Sistem ePerolehan seperti mana arahan penyebutharga tidak akan dipertimbangkan.
6. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Sebut Harga tersebut, hendaklah menghubungi pegawai-pegawai berikut:

Puan Nurdhiya Hazwani Binti Helmee	-	03-8885 5119
Puan Mazni Binti Sohimi	-	03-8885 5112
Puan Nadiah binti Ahmad (Urus Setia)	-	03-8885 3236